

16 OCT 2002

Mahathir-Kerjasama/I

MALAYSIA DAN INDIA AKAN TINGKAT KERJASAMA DALAM IT

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

HYDERABAD, 16 Okt (Bernama) -- Malaysia dan India akan meningkatkan kerjasama dalam sektor teknologi maklumat (IT) ekoran lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke pusat IT yang sedang muncul di negara itu hari ini.

Perdana Menteri melawat Hyderabad Information Technology Engineering Consultancy (Bandaraya Hi-Tec) di Madhapur, dekat sini untuk meninjau dari dekad infrastrukturnya yang berjaya menarik syarikat-syarikat multinasional untuk menubuhkan cawangan di situ.

Ketua Menteri Andhra Pradesh Chandrababu Naidu yang berperanan besar dalam menjadikan negeri itu sebagai pusat IT memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai Bandaraya Hi-Tec itu yang dilancarkan pada 1997.

Perdana Menteri tiba di sini tengah hari ini untuk lawatan dua hari dalam rangka lawatan ke tiga negara dengan lawatan ke Pakistan dan Arab Saudi menyusul selepas ini.

Ini merupakan lawatan pertama beliau ke Hyderabad, sebuah metropolis sibuk berusia 400 tahun dan dengan 4.2 juta penduduk.

Selepas Hi-Tec, Dr Mahathir melawat International Institute of Information Technology (IIIT) yang terletak berdekatan, yang dikenali di sini sebagai "Triple IT".

Dimulakan pada 1998, institut itu berhasrat membangunkan tenaga kerja berkualiti di peringkat ijazah pertama dan ijazah lanjutan dan juga menjalankan penyelidikan serta memajukan teknologi.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu dan Menteri, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan itu.

Dr Mahathir kemudian melawat Infosys Technologies, satu daripada lima syarikat perisian terkemuka di dunia dengan jumlah nilai eksport mencapai US\$7.6 bilion.

Infosys yang disenaraikan di Nasdaq merupakan syarikat India yang pertama untuk disenaraikan di Bursa Saham Amerika pada 1999.

Pengerusinya N.R.Narayana Murthy memberitahu Dr Mahathir bahawa syarikat itu, yang mempunyai pusat-pusat pembangunan di lapan bandaraya di India dan di luar negara, berminat untuk meningkatkan kerjasama dengan Malaysia.

Murthy ialah salah seorang daripada anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) di Malaysia.

Naidu yang jelas gembira menyifatkan lawatan Dr Mahathir sebagai baik dengan tetamu dari Malaysia itu telah menyaksikan sendiri apa yang ditawarkan di Bandaraya Hi-Tec, "Triple IT" dan Infosys.

Esok, Perdana Menteri akan melawat Satyam, satu lagi syarikat terkemuka dalam industri IT di India, sebelum berlepas ke New Delhi.

"Kami sangat gembira untuk menerima kedatangan beliau, lawatannya itu membawa banyak kelebihan. Ia situasi saling menguntungkan bagi Malaysia dan India khususnya bagi Andhra Pradesh," kata Naidu kepada Bernama.

"Malaysia lebih cenderung kepada perkakasan teknologi maklumat dan kita lebih cenderung kepada perisian, jadi jika perkakasan dan perisian dapat disatukan, ia boleh menimbulkan satu situasi yang saling menguntungkan," katanya.

Naidu berkata, beliau menerima inspirasi daripada Malaysia dan Dr Mahathir yang telah memperkenalkan Wawasan 2020.

"Atas dasar itu, saya juga memperkenalkan Wawasan 2020, kini negara

kita pula sedang merumuskan Wawasan 2020, kita mahu menjadi sebuah negara maju dalam masa 20 tahun lagi," kata Naidu yang malam ini menganjurkan majlis makan malam bagi Dr Mahathir dan delegasi beliau.

-- BERNAMA

AZZ HK PR